

30/04/1997

Konsep musyawarah jamin kejayaan

RAKYAT pelbagai kaum di negara ini perlu terus menerap dan mengamalkan konsep musyawarah serta muafakat dalam kehidupan seharian bagi menjamin kejayaan Wawasan 2020, kata Presien MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Menurutnya, penerapan dan amalan kedua-dua konsep itu bukan sahaja perlu dalam konteks sistem politik masyarakat majmuk, malah ia sepatutnya turut dipraktikkan di sektor ekonomi dan sosial.

Katanya, konsep musyawarah dan muafakat yang diamalkan di perkampungan Melayu sejak dahulu, terbukti memberi banyak kebaikan terutama dalam proses membuat keputusan yang membabitkan kepentingan orang ramai.

"Hakikat yang sama turut diperlihatkan dalam masyarakat Cina dan India apabila setiap tindakan pemimpin perlu menepati kehendak dan mandat orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertaskerja 'Menggalak dan Membangunkan Masyarakat Demokrasi yang Matang: Ke Arah Masa Depan' di Kongres Kebangsaan Wawasan 2020, semalam.

Perasmian kongres anjuran Jabatan Perdana Menteri, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) serta Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Dr Ling berkata selain memberi sumbangan kepada kejayaan Wawasan 2020, penerapan dan amalan konsep musyawarah serta muafakat mampu menjamin kesinambungan sistem demokrasi di negara ini.

Menurutnya, sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia berjaya membangunkan sistem demokrasinya sendiri yang mampu memenuhi keperluan dan kehendak rakyat negara ini.

"Sehubungan itu, kita tidak mahu mengimport mana-mana model demokrasi dari Barat," katanya.

Sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini sejak 40 tahun merdeka, katanya, menyebabkan rakyat pelbagai kaum mula belajar menerima hakikat mengenai kepentingan nilai kompromi, sensitiviti dan prihatin dalam kehidupan seharian.

Beliau percaya kerajaan yang ada sekarang akan terus mengamalkan sistem yang sama dalam menangani isu dan cabaran masa depan.

"Ini kerana semua nilai berkenaan akhirnya menjadi kunci penting bagi kejayaan dan kestabilan sistem demokrasi yang diamalkan sekarang," katanya.

(END)